



KENYATAAN MEDIA

SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN 2021

PUTRAJAYA, 9 OKTOBER 2021: Sambutan Hari Sukan Negara (HSN) Peringkat Wilayah Persekutuan dan Kementerian Wilayah Persekutuan bagi tahun 2021 diadakan pada hari ini serentak dengan perasmian Hari Sukan Negara 2021 Peringkat Kebangsaan yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

HSN 2021 Peringkat Wilayah Persekutuan dan Kementerian Wilayah Persekutuan pula dirasmikan oleh Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias bertempat di Atrium, Kementerian Wilayah Persekutuan.

"Sebelum pandemik, warga kota khususnya mempunyai ramai peminat sukan atau *sports enthusiast* apabila ramai yang turut serta dalam pelbagai penganjuran sukan seperti Fun Run, Marathon, futsal, badminton dan juga mendaki bukit/gunung.

"Putrajaya pula menjadi tumpuan warga kota untuk melakukan aktiviti sukan dan rekreasi pada setiap hujung minggu dan sering kali menjadi laluan bagi peminat sukan berbasikal dan larian," kata Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan.

Jalaluddin berkata warga kota kini sudah berpeluang kembali ke gimnasium, bermain bola atau bermain badminton apabila sektor ekonomi dan sosial mula dibuka secara berperingkat selepas kini Kuala Lumpur dan Putrajaya memasuki Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara (PPN) sementara Labuan sudah memasuki Fasa 4 PPN.

"Semoga warga kota sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat dan aktif namun dalam masa yang sama kekal mengikut SOP yang ditetapkan

supaya dapat menjayakan matlamat negara ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Bersukan," katanya.

Dalam sambutan HSN 2021 peringkat negeri dan kementerian hari ini, Jalaluddin turut serta dalam aktiviti yang dianjurkan termasuklah 3 kilometer jalan kaki, senaman aerobik, fitness challenge dan juga health assessment.

Pada hari ini juga, semua Agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan yang lain seperti Perbadanan Putrajaya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Labuan, Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan masing-masing turut menganjurkan acara sukan di peringkat agensi masing-masing.

Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat Wilayah Persekutuan dan Kementerian Wilayah Persekutuan 2021 dianjurkan oleh Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) dan juga Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

TAMAT